

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
MAJLIS PENUTUPAN FORUM BELIA KEBANGSAAN SYNFF 2010 (02 OGOS
2010)**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Hj. Aman
Ketua Menteri Sabah

Yang Berbahagia Datuk Micheal Emban
Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan Sabah

Yang Berusaha Encik Mohamed Maliki Mohamed Rapiee
Presiden Majlis Belia Malaysia

Yang Berusaha Encik Mustapha Hj. Sakmud
Presiden Majlis Belia Sabah

Pegawai-Pegawai Utama UMS

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UMS,

Para Peserta Forum,

Tuan-tuan dan Puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dipertemukan sekali lagi pada hari ini sempena Majlis Perasmian Penutupan Forum Belia Kebangsaan 2010. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Hj. Aman, Ketua Menteri Sabah atas kesempatan untuk bersama-sama kita di Dewan yang indah ini. Dikala kesibukan jadual kerja yang padat, Yang

Amat Berhormat Datuk Seri masih sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kita pada majlis yang bermakna ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk.

YAB Datuk Seri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Penganjuran forum ini sememangnya bertepatan pada masanya apatah lagi golongan belia kita pada masa kini sememangnya terdedah dengan pembangunan pesat perkembangan teknologi maklumat. Justeru, saya percaya penganjuran forum ini mampu memberi pengalaman berharga kepada para peserta agar sentiasa kukuh jati dirinya dalam menempuhi pelbagai cabaran seiring dengan peredaran globalisasi.

Justeru, syabas dan tahniah kepada generasi muda yang telah bersama-sama mengikuti forum yang berlangsung selama 4 hari ini. Pengibatan dan komitmen yang tinggi telah ditunjukkan oleh mereka dalam setiap aktiviti sepanjang program ini berlangsung. Tanpa sambutan yang menggalakkan daripada golongan ini sudah pasti forum ini tidak mampu dilaksanakan dengan baik dan objektif yang ingin dicapai juga adalah sia-sia.

Pesanan saya kepada para remaja sekalian agar menggunakan atau mengaplikasikan segala pengalaman yang diperoleh untuk bekalan dalam kehidupan seharian. Sesungguhnya anda-lah pewaris kepada tonggak kepimpinan negara dimasa akan datang. Saya ingin tekankan bahawa belia seperti anda berperanan penting dalam melaksana dan menjana suasana positif Negara ke arah mencapai aspirasi kerajaan Malaysia. Harapan dalam merealisasikan wawasan Negara sememangnya terletak ditangan anda semua.

Ini kerana corak pembangunan Negara pada masa hadapan adalah bergantung sepenuhnya kepada corak keperibadian belia pada masa kini. Sehubungan itu, penanaman aspek jati diri melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni perlu terus diperkasakan. Ini kerana, kerancakan arus permodenan dan perkembangan teknologi maklumat yang kian bergerak pantas mampu menyesatkan golongan ini sekiranya tidak mendapat tunjuk ajar dan bimbingan yang sewajarnya.

Aspek penjanaan minda ke arah melahirkan modal insan kelas pertama juga perlu dilaksanakan secara berterusan selaras dengan agenda pembangunan nasional. Kita bukan sahaja menilai dari segi pencapaian akademik semata-mata, tetapi ingin saya tegaskan sekali lagi pembangunan jati diri ini-lah yang perlu dititikberatkan dalam membentuk generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang di masa akan datang. Keadaan ini boleh menjamin masa depan Negara yang lebih cerah dengan barisan kepimpinan yang dibentuk melalui pendedahan-pendedahan awal sejak di peringkat belia lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Penganjuran forum ini pada kali ini sebenarnya bukan sahaja memberi manfaat kepada pesertanya malah turut memberi pengalaman berharga kepada ahli jawatankuasa yang turut melibatkan pelajar-pelajar UMS. Saya percaya bagi mereka yang terlibat, pengalaman dalam penganjuran program ini merupakan suatu pendedahan yang baik untuk bekalan dalam menganjurkan alktiviti lain yang mungkin lebih besar kelak.

Penganjuran kali ini juga berjaya memberi penerapan mengenai aspek kepimpinan, kerja berpasukan serta kemahiran berkomunikasi yang berkesan di kalangan setiap ahli jawatankuasanya. Bagi para mahasiswa, ini secara tidak langsung meningkatkan kemahiran insaniah dan kebolehpasaran mereka, manakala bagi kakitangan pula, ia mengukuhkan jalinan kerjasama yang sedia terjalin di antara UMS dengan Majlis Belia Sabah (MBS).

Sesungguhnya, saya mewakili pihak universiti sangat berterima kasih dengan MBS kerana telah memilih UMS sebagai rakan kongsi bagi menganjurkan forum ini. Kami di pihak UMS sememangnya sentiasa mengalu-alukan kerjasama penganjuran aktiviti-aktiviti seumpama ini.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya bagi pihak UMS dan seluruh jawatankuasa penganjur sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Hj Aman kerana sudi meluangkan masa bersama-sama dengan kita pada hari ini, sekaligus menyempurnakan perasmian penutupan Forum Belia Kebangsaan 2010 sebentar lagi.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua yang terlibat bagi menjayakan program yang sangat bermanfaat ini. Kepada para peserta sekalian, gunakanlah segala ilmu dan pengalaman yang ditimba sepanjang mengikuti forum ini sebaiknya. Biarlah ia sentiasa tersemat di minda dan diaplikasi dalam kehidupan anda setiap masa. Dengan itu saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Sekian, terima kasih.